



□ HAJI KHALID

# Mengapa Umno mahu kekal kuasa

MUAR, Khamis — UMNO mahu terus mengekalkan kuasa politikanya bukan kerana parti itu gila kuasa, tetapi bertujuan memberi perkhidmatan dan pembangunan kepada rakyat dan negara.

"Bagi UMNO, pengertian kuasa politik ialah berkhidmat dan menabur bakti kepada rakyat dan bukan semata-mata untuk mendapatkan kuasa," demikian kata

Setiausaha Politik Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Haji Khalid Yunus.

Berucap merasmikan mesyuarat agung UMNO Cawangan Penchu Sakti, 40 kilometer dari sini, beliau berkata:

"Sebagai parti yang menjadi teras Barisan Nasional. UMNO

sehingga hari ini telah dapat mencorakkan keadaan mengikut selera orang-orang Melayu.

"Bagaimanapun, setiap rakyat harus menyedari sebagai sebuah negara berbilang kaum, kuasa politik negara ini perlu dikongsi bersama oleh setiap kaum."

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia